

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pekeibun gagal pasarkan buah | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 12 Jun 2017 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 197,202 |
| Page No | 3 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 317 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,258 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,775 |



Jabatan Pertanian dakwa pengusaha jual harumanis terlalu murah takut buah busuk

Pekeibun gagal pasarkan buah

KANGAR – Jabatan Pertanian Negeri Perlis mendakwa kelemahan sege-lintir pengusaha mempelam harumanis secara kecil-kecilan memperluaskan pasaran menyebabkan buah tersebut dijual pada harga murah sehingga RM10 sekilogram kepada pembeli.

Pengarahnya, Zulkepli Amin Jusoh berkata, kebanyakan pengusaha terbabit teruja untuk menanam pokok mempelam itu selepas mendapati hasil jualan buah tersebut lumayan kerana dijual pada harga yang tinggi di pasaran beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun, menurutnya, mereka yang baru menceburi bidang pertanian itu tidak mempunyai perancangan awal untuk mencari pasaran berbanding pengusaha lama yang telah memiliki rangkaian perniagaan luas di seluruh negara.

“Keadaan tersebut menyebabkan pengusaha tanaman haru-

manis secara kecil-kecilan itu terpaksa menjual buah mempelam tersebut pada harga semurah RM10 sekilogram untuk melariskan jualan buah tersebut,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, pengusaha terbabit mengambil langkah tersebut selepas mempelam yang telah dipetik itu semakin ranum dan tidak dapat dijual seperti yang diharapkan.

Dalam pada itu, seorang penjual mempelam harumanis di Beseri di sini, Samaratin Ibramsha berkata, promosi jualan buah harumanis pada harga yang murah secara keterlaluan melalui Facebook dan WhatsApp menyebabkan harganya tidak stabil dan jatuh merudum.

“Saya terpaksa menjual harumanis gred A semurah RM15 sekilogram walaupun dahulu harganya RM30 hingga RM40 sekilogram bagi memastikan tidak busuk.

“Namun, ada pekeibun sanggup menjual buah mempelam ini melalui laman sosial sehingga RM8 hingga RM10 sekilogram menyebabkan harganya tidak menentu dan terlalu murah.

“Penjual di laman sosial ini yang merosakkan imej dan harga harumanis. Saya jangka trend ini akan berterusan sekiranya ia tidak dibendung segera,” katanya.

INFO Perbezaan harumanis dan mangga biasa

Mangga harumanis

- Mempunyai bentuk yang agak gempal dan mempunyai dua bucu berbentuk bulat di bahagian bawah buah
- Kulit buah berwarna hijau dan hanya bertukar kekuningan apabila benar-benar ranum
- Aroma mangga sangat kuat dan berbau manis
- Isi buah tidak terlalu keras dan berwarna oren, berjus serta sangat manis
- Anggaran berat sekitar 400 gram hingga 600 gram sebiji

Mangga biasa

- Mempunyai bentuk yang agak tirus dan memanjang
- Bahagian bawah buah mempunyai satu bucu berbentuk bujur
- Bau yang tidak terlalu kuat
- Isi berwarna kuning kehijauan dan kadangkala mempunyai rasa kelat dan agak masam



ZULKEPLI

| | | | |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pekebun gagal pasarkan buah | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 12 Jun 2017 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 197,202 |
| Page No | 3 | Readership | 875,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 317 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,258 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,775 |



PEKEBUN kecil yang tidak mempunyai perancangan pemasaran terpaksa menjual harumanis semurah RM10 kerana bimbang buah busuk di pokok.